

03/06/2002

`Sekolah Cina tidak halang integrasi'

PETALING JAYA, Ahad - Pihak tertentu di negara ini dinasihatkan supaya tidak terlalu `emosional' dan terburu-buru untuk menghapuskan sistem pendidikan aliran jenis kebangsaan.

Naib Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting, berkata ini kerana cadangan menghapuskan sekolah aliran jenis itu tidak berkait langsung dengan pelaksanaan Sekolah Wawasan.

"Itu perkara lain, SRJK di negara ini tidak menghalang kaum bukan Cina memasuki sekolah berkenaan walaupun bahasa pengantarnya adalah Mandarin.

"Bahasa Mandarin yang kebanyakannya digunakan oleh orang Cina sebagai alat perdagangan sejak sebelum merdeka tidak perlu dipertikaikan lagi kerana ia bukan perkara baru," katanya selepas menghadiri Majlis Rumah Terbuka sempena Hari Wesak di SRJK (C) Sungei Way di sini, hari ini.

Turut hadir, Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Chew Mei Fun; Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Dr Lin Yeik Lee dan wakil Pengerusi Persatuan Buddha Malaysia, Meow Kai.

Ong berkata demikian mengulas kenyataan Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung, Datuk Suhaimi Ibrahim, yang mencabar pemimpin kaum lain di negara ini menerima konsep Sekolah Wawasan dengan ikhlas dan menghapuskan sistem pendidikan aliran jenis kebangsaan bagi memastikan integrasi kaum bermula di sekolah rendah.

Suhaimi berkata, pelaksanaan Sekolah Wawasan berasaskan pendidikan kebangsaan perlu dilaksanakan segera bagi memastikan semua pelajar pelbagai kaum bukan saja bersaing untuk mendapat tempat ke pusat pengajian tinggi, malah ketika mereka mula bersekolah.

Sehubungan itu, katanya tidak ada sebab bagi mana-mana pemimpin mempertikaikan isu hak istimewa orang Melayu kerana tugas pemimpin terutama Umno adalah mewujudkan daya saing serta daya juang pelajar Bumiputera bagi mencapai kecemerlangan dalam pendidikan.

Ong berkata, mereka yang mencadangkan penutupan sekolah aliran jenis kebangsaan seharusnya memandang ke depan daripada terus menimbulkan isu itu.

"Lebih elok jika mereka tidak terlalu emosional untuk terus membangkitkan isu ini dengan mengambil kira sensitiviti masyarakat berbilang kaum serta menghormati sistem pendidikan sedia ada," katanya.

Mengulas peruntukan kaum lain untuk memasuki Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) seperti yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau menyokong perkara itu sambil menyifatkan ia membuka lebih peluang kepada kaum lain terutama pelajar dari golongan berpendapatan rendah yang memperoleh keputusan baik untuk mendapat kemudahan pendidikan lebih baik.

(END)